

Sinar Harian (M/S 14) 12/04/2017

Lanzhou platform baharu Angkasa terokai pasaran China

PETALING JAYA - Kerjasama dengan pihak pentadbiran Lanzhou, China menjadi platform baharu buat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menerokai pasaran ke China.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya menyasarkan untuk memasarkan produk bernilai RM2 juta ke Lanzhou.

"Angkasa sasarkan untuk mengeksport 10 kontena bahanangan makanan, produk industri kecil dan sederhana (IKS) dan produk kosmetik berjumlah kira-kira RM200,000 setiap kontena ke China hujung tahun ini.

"Kita bersedia berkongsi ke-pakaran dengan China bagi mendapatkan produk halal, yang mana mereka ingin mencantohi kita dalam mengeluarkan produk menepati syariah," katanya selepas menerima kunjungan hormat delegasi pentadbiran Lanzhou yang dipimpin Ketua Jawatankuasa Pentadbiran Lanzhou, Niu Xiangdong di sini, semalam.

Abdul Fattah berkata, pihaknya juga bercadang membuka sebuah restoran koperasi Malaysia di negara tersebut.

"Menerusi kerjasama *win-win situation* ini, mereka (China) akan menyediakan premis perniagaan dan operasinya akan dilakukan

Kita bersedia berkongsi ke-pakaran dengan China bagi mendapatkan produk halal, yang mana mereka ingin mencantohi kita dalam mengeluarkan produk menepati syariah." - Abdul Fattah

oleh koperasi Angkasa.

"Berdasarkan maklum balas daripada wakil China di sini, kebolehpasaran produk Malaysia di sana sangat berpotensi besar kerana jumlah Muslim di sana lebih ramai dan mereka sangat mementingkan produk halal," katanya.

Beliau yang juga Presiden Asean Cooperative Organization (ACO) berkata, pihaknya akan mengenal pasti produk daripada koperasi negara Asean untuk turut dipasarkan ke negara tersebut.

"Kita juga akan beri peluang kepada 250,000 koperasi di bawah ACO dengan 60 juta ahli untuk memasarkan produk ke China dan saya yakin ia akan meningkatkan jumlah dagangan barang koperasi bukan sahaja koperasi Malaysia tetapi juga Asean," katanya. - Bernama



Abdul Fattah (depan, dua kiri) bersalaman dengan Niu Xiangdong (depan, dua kanan) selepas menerima kunjungan rasmi Datuk Bandar Lanzhou itu di Wisma Ungku Aziz, semalam.